

TEKS UCAPAN:

YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Assalammualaikum dan Salam Sejahtera diucapkan kepada:

SALUTASI

- YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- YBhg Datuk Yunos Abd Ghani, Pengerusi Agrobank
- Yang Mulia Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank
- Yang Berusaha Encik Nor Rafidz Nazri, Ketua Jabatan Rangkuman Kewangan Bank Negara Malaysia
- Ketua-ketua Pengarah Agensi
- Para usahawan dan pelanggan Agrobank yang diraikan
- Rakan-rakan media
- Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

PENDAHULUAN

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian, salam perpaduan dan salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita semua dapat berkumpul di petang yang mulia ini bagi bersama-sama menyaksikan pelancaran satu lagi inisiatif rangkuman kewangan Agrobank iaitu Bank Bergerak Agrobank.
2. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir pada petang ini dan terima kasih juga kepada Agrobank kerana menjemput saya untuk menyempurnakan majlis pelancaran pada petang ini.

MALAYSIA MADANI DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR

Hadirin dan hadirat sekalian,

3. Pepatah kita ada menyebut; 'Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Maksudnya kita semua mesti saling bekerjasama dan saling bantu-membantu untuk kebaikan bersama.
4. Yang mana susah, kita senangkan, yang mana tiada, kita wujudkan. Atas semangat inilah maka hari ini kita akan melancarkan Bank Bergerak Agrobank bagi memudahkan urusan rakyat khususnya yang berada jauh di pedalaman yang sukar untuk mendapatkan khidmat perbankan.
5. Baru-baru ini Perdana Menteri kita, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan 'Malaysia Madani' bagi menetapkan semula halatuju negara selepas kita semua berada dalam era pandemik COVID-19.
6. Kita sedar banyak perkara telah berubah sejak dunia dilanda pandemik COVID-19. Banyak dasar dan perancangan kita juga sudah tidak relevan dan memerlukan penambakaan ataupun Islah.

7. Sebagai contoh, dahulu negara kita merupakan pengeksport telur ke 5 terbesar di dunia. Namun dengan serangan COVID-19, ianya telah mengubah situasi itu sehingga negara terpaksa mengimport pula telur dari luar negara.

8. Tahun lepas negara kita kekurangan hampir 20 juta biji telur setiap bulan tetapi alhamdulillah, dengan langkah intervensi segera yang kita ambil selepas membentuk Kerajaan Perpaduan, sekarang ini bekalan telur di negara kita sudah mula stabil dan mencukupi untuk keperluan rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

9. Antara objektif Malaysia Madani adalah mewujudkan masyarakat Madani yang membolehkan setiap rakyat Malaysia, yang berada di pelusuk mana sekalipun akan dapat mengecapi nikmat kesejahteraan dan kebahagiaan. Justeru itu, semua jenis pembangunan yang ingin dilaksanakan bukanlah tertumpu kepada kerangka projek semata-mata, tetapi ia mestilah dapat memberikan kemakmuran bersama.

10. Kita tidak mahu ada lagi komuniti dalam negara kita yang terpinggir dari sudut pembangunan. Kerajaan perpaduan hari ini akan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan setiap rakyat Malaysia mendapat pembelaan yang sewajarnya.
11. Sebagai contoh hari ini, antara usaha Kerajaan Perpaduan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur dan mengurangkan jurang ekonomi di antara penduduk Borneo dan Semenanjung adalah dengan melancarkan Bank Bergerak Agrobank.
12. Tujuan kita lancarkan Bank Bergerak ini adalah untuk memastikan komuniti yang kurang mendapat perhatian sebelum ini juga boleh mendapatkan akses dan servis kewangan.
13. InsyaAllah dari semasa ke semasa, Kerajaan Malaysia Madani ini akan terus berusaha untuk membantu meningkatkan pembangunan serta tahap ekonomi yang lebih baik kepada golongan *unserved* dan *underserved*.

BANK BERGERAK AGROBANK

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

14. Inisiatif bank bergerak ini bukanlah sesuatu yang baharu buat Agrobank. Pada tahun 70an lagi, Agrobank telah memperkenalkan inisiatif seumpama ini yang pada ketika itu dikenali sebagai Bank Bergerak Bank Pertanian Malaysia.
15. Selain daripada itu, Agrobank juga pernah menyediakan Bank terapung pertama di Malaysia pada November 1994 yang dikenali sebagai PATRIOT Rejang, yang menyusuri Sungai Rejang di Sarawak untuk menyediakan akses perbankan asas bagi komuniti di sekitar Kapit, Sibul dan Belaga di Sarawak.
16. Hari ini, inisiatif seumpama ini masih dikekalkan oleh Agrobank. Suka untuk saya kongsi di sini bahawa Bank Bergerak ini adalah inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Perpaduan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulih Ekonomi (PEMULIH) dengan peruntukan sebanyak RM18 juta.

17. Dengan ada usaha ini penduduk di sekitar luar bandar kini dapat menikmati perkhidmatan asas perbankan yang lebih sistematik seperti pengeluaran dan deposit ATM serta khimat nasihat bagi produk-produk yang ditawarkan oleh Agrobank. Ini merupakan inisiatif Agrobank bagi merencanakan impak ekonomi masyarakat luar bandar ke arah yang lebih baik sejajar dengan inisiatif Malaysia Madani.
18. Nabi Muhamad SAW telah berpesan kepada kita melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud;

"Barangsiapa yang melapangkan seorang mukmin dari satu kesusahan dunia, Allah akan melapangkannya dari salah satu kesusahan di hari kiamat.

Barang siapa yang meringankan penderitaan seseorang, Allah SWT akan meringankan penderitaannya di dunia dan akhirat.

Barangsiapa yang menutupi (aib) seorang muslim, Allah akan menutupi (aib)nya di dunia dan akhirat.

Sesungguhnya Allah akan menolong seorang hamba selama hamba itu mahu menolong saudaranya."

19. Menerusi hadis ini, dapatlah kita simpulkan bahawa menyediakan perkhidmatan dan kemudahan untuk rakyat adalah suatu ibadah yang amat dituntut oleh agama.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

20. Dalam landskap perbankan terkini, inovasi perkhidmatan perbankan asas adalah amat penting bagi mempercepatkan lagi impak ekonomi di kawasan luar bandar.

21. Fokus Agrobank untuk memberi capaian perkhidmatan perbankan asas kepada komuniti yang kurang mendapat liputan (*unserved* dan *under-served*) adalah bertepatan dengan mandatnya sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan (IKP) dalam mencapai hasrat Malaysia Madani.

22. Bagi Bank Bergerak Agrobank di Sabah, dua buah Bank Bergerak telah disediakan untuk dinikmati penduduk di sekitar Lahad Datu, Tawau dan Beaufort.

23. Penyediaan Bank Bergerak ini adalah tepat pada masanya kerana, penduduk-penduduk di sekitar kawasan ini (Felda Sahabat, Lahad Datu) dianggarkan perlu mengambil masa sekurang-kurangnya satu jam dan enam belas minit dengan jarak 73.8 km untuk ke pekan terdekat bagi mendapatkan akses perbankan. Ternyata inisiatif ini amat penting bagi memudahkan urusan seharian mereka.

KESTABILAN SEKTOR PERTANIAN DAN KERJASAMA MERENTASI KEMENTERIAN DAN AGENSI

Hadirin dan hadirat sekalian,

24. Pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun ini diramal akan lebih perlahan dan isu keterjaminan makanan atau **food security** kini menjadi topik hangat di seluruh dunia. Semua negara maju dan negara membangun sedang giat melakukan persiapan yang rapi untuk menghadapi segala kemungkinan. Negara kita juga tidak terkecuali dan sebab itulah nama kementerian ini juga telah diubah kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

25. Untuk **memastikan kestabilan sekuriti makanan** serta **pembangunan sosioekonomi** golongan *unserved* dan *underserved* dapat dipertingkatkan, saya berharap pihak Kerajaan, Kementerian, agensi, organisasi, NGO dan rakyat akan sentiasa berganding bahu untuk merealisasikan harapan ini.

26. Maka kerjasama dan sinergi pelan perancangan strategik yang kukuh perlu diadaptasi dalam perancangan setiap badan dan organisasi yang saya nyatakan tadi agar kestabilan sekuriti makanan negara serta pembangunan komuniti di luar bandar adalah lebih terjamin.

27. Menerusi jalinan rangkaian ini ditambah pula dengan garapan teknologi, saya yakin, lebih banyak peluang pekerjaan akan terwujud sekali gus meningkatkan lagi tahap sosioekonomi di luar bandar.

28. Seperti yang dapat kita saksikan pada hari ini, usaha yang dijalankan oleh Agrobank ini saya kira adalah permulaan untuk kejayaan yang lebih baik di masa hadapan.

29. Pendekatan 'serampang dua mata' ini diharap akan memperkasakan masyarakat luar bandar dengan:

Pertama, menambah baik program sedia ada untuk hasil yang lebih memberangsangkan dan;

Kedua, akan memperkukuh serta menyelaras tanggungjawab agensi agar setiap rakyat dapat menikmati kemudahan serta perkhidmatan yang terbaik.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

30. Akhir sekali saya doakan melalui perkhidmatan yang ditawarkan Agrobank, penduduk di sekitar, Lahad Datu, Tawau dan Beaufort di negeri di Bawah Bayu ini akan dapat menikmati kemudahan yang diberikan sekali gus memudahkan urusan transaksi perbankan mereka khususnya kepada usahawan tani di sekitar kawasan ini. Saya harap selepas ini urusan perniagaan penduduk di sini akan dapat dijalankan dengan lebih efisien.

31. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Agrobank atas inisiatif Bank Bergerak mereka.

32. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Bank Bergerak Agrobank di Sabah.

Sekian, terima kasih.